

## **Budak ditemui lemas selepas jatuh longkang**

Oleh: Noor Syamimi Azhar, 1180207

KEDAH: Seorang budak lelaki berusia 11 tahun ditemui lemas selepas dipercayai terjatuh ke dalam longkang di Taman Seraya, Pinang Tunggal pada 21 November 2020.

Dalam kejadian jam 2.29 petang itu, mangsa, Muhamad Darnish Yusmadi, 11, ditemui lemas oleh orang awam



Gambar hiasan

Salah seorang penduduk yang membantu menyelamatkan mangsa, Ahmad Osman berkata, mangsa dipercayai lemas lebih kurang 30 minit dan berjaya diselamatkan oleh empat orang awam dalam masa 20 minit selepas dia terjatuh.

“Mangsa dihanyutkan oleh arus sejauh empat blok buah rumah selepas terjatuh ke dalam longkang yang berkeluasan dua kaki dan kedalaman tiga kaki,” katanya.



Kapsyen: Lokasi kejadian

Anggota bomba menerima panggilan kecemasan daripada pihak keluarga pada 2:29 petang yang diketuai oleh PBK II Mihat Jaafar bersama enam orang keanggotaan.

Penolong Penguasa Bomba (PPgB), Muhamad Syukri Hashim berkata, semasa anggota bomba sampai di tempat kejadian, mangsa dalam keadaan terlentang dan diberi bantuan pernafasan Cardio Pulmonary Resuscitation (CPR) selama 30 minit.

“Selain bantuan CPR, mangsa juga diberikan bantuan oksigen tetapi mangsa tidak dapat diselamatkan”, katanya lagi.

Setibanya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di lokasi, mangsa disahkan kematian dan dibawa ke hospital untuk memberi bantuan selanjutnya.

Mangsa merupakan anak terakhir dalam keluarga tersebut.